



4 April 2023
4 April 2023
P.U. (A) 110

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 2023

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 5 April 2023.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Jika notis pengeluaran dibuat bagi pengeluaran di bawah perenggan 54(6)(a) atau seksyen 55A Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang telah mencapai umur 50 tahun atau 55 tahun mengikut mana-mana yang berkenaan, tarikh lahir yang ada pada rekod ahli Kumpulan Wang itu hendaklah disifatkan mengikat ke atas ahli Kumpulan Wang itu tetapi Lembaga boleh, jika Lembaga mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tarikh itu adalah dinyatakan secara tidak betul, mendapatkan apa-apa keterangan lanjut mengenai umur sehingga Lembaga berpuas hati.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“(1A) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu yang telah mencapai umur 50 tahun, Lembaga boleh membenarkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengeluarkan apa-apa amaun yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu tertakluk kepada amaun maksimum yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu pada tarikh notis pengeluaran kali pertama itu dibenarkan.

(1B) Sebagai tambahan kepada subkaedah (1), jika seseorang ahli Kumpulan Wang membuat pinjaman peribadi dengan mana-mana bank yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan ahli Kumpulan Wang itu belum mencapai umur 55 tahun, ahli Kumpulan Wang itu boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan suatu notis pengeluaran bagi pengeluaran di bawah perenggan 54(6)(a) atau seksyen 55A Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi suatu amaun tidak kurang daripada tiga ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu dan amaun itu hendaklah tertakluk kepada amaun yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu pada tarikh notis pengeluaran itu diterima oleh Lembaga.

(1C) Notis pengeluaran yang disebut dalam subkaedah (1B) hendaklah dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu kepada Lembaga hanya sekali pada bila-bila masa antara 5 April 2023 hingga 4 April 2024.

(1D) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu di bawah subkaedah (1B), Lembaga boleh membenarkan suatu pengeluaran dengan syarat pengeluaran itu hanya boleh dibayar apabila ahli Kumpulan Wang itu

telah mencapai umur 50 tahun bagi pengeluaran di bawah perenggan 54(6)(a) Akta atau sebaik sahaja ahli Kumpulan Wang itu mencapai umur 55 tahun bagi pengeluaran di bawah seksyen 55A Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada suatu amaun yang tidak melebihi amaun yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu pada tarikh notis pengeluaran itu dibenarkan.

(1E) Lembaga boleh membayar ke dalam akaun yang berkenaan milik ahli Kumpulan Wang itu di mana-mana bank yang memberikan pinjaman peribadi itu suatu amaun pengeluaran daripada amaun yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu bersamaan dengan amaun yang dibenarkan di bawah subkaedah (1D) termasuk apa-apa dividen yang dikreditkan ke atasnya jika—

- (a) ahli Kumpulan Wang itu telah mencapai umur 50 tahun atau sebaik sahaja ahli Kumpulan Wang itu mencapai umur 55 tahun; atau
- (b) ahli Kumpulan Wang itu mengemukakan notis pengeluaran di bawah perenggan 54(1)(c), 54(1)(e) atau seksyen 54C Akta.

(1F) Walau apa pun peruntukan di bawah kaedah ini, Lembaga hendaklah mengambil kira amaun pengeluaran yang dibenarkan di bawah subkaedah (1E) dan apa-apa amaun yang ada pada kredit dalam akaun ahli Kumpulan Wang itu sebelum membenarkan suatu pengeluaran dibuat oleh ahli Kumpulan Wang itu menurut perenggan 54(1)(c), 54(1)(e) atau seksyen 54C Akta.

(1G) Tertakluk kepada subkaedah (1H), jika ahli Kumpulan Wang itu telah mengemukakan suatu notis pengeluaran di bawah subkaedah (1B) kepada Lembaga, notis pengeluaran itu tidak boleh dibatalkan.

(1H) Notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu di bawah subkaedah (1B) terbatal apabila Lembaga menerima—

- (a) suatu notis pengeluaran di bawah perenggan 54(1)(a) Akta; atau
- (b) suatu pengesahan secara bertulis bahawa amaun pinjaman peribadi yang dibuat oleh ahli Kumpulan Wang itu telah diselesaikan sepenuhnya.”.

Dibuat 4 April 2023
[KWSP/9/1/GUB(U)43; PN(PU2)498/JLD. 19]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [Act 452], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Rules 2023**.

(2) These Rules come into operation on 5 April 2023.

Amendment of rule 41

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] are amended in rule 41—

(a) by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) Where a notice of withdrawal is made for withdrawal under paragraph 54(6)(a) or section 55A of the Act on the ground that a member of the Fund has attained the age of 50 years or 55 years as the case may be, the date of birth appearing on the record of the member of the Fund shall be deemed to be binding upon such member of the Fund but the Board may, if the Board has reason to believe that such date was not correctly stated, obtain any further evidence of age to the satisfaction of the Board.”; and

(b) by inserting after subrule (1) the following subrules:

“(1A) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal submitted by the member of the Fund who has attained the age of 50 years, the Board may authorize such member of the Fund

to withdraw any amount standing to the credit in Account II of the member of the Fund subject to the maximum amount standing to the credit in Account II of such member of the Fund on the date of the first notice of withdrawal is authorized.

(1B) In addition to subrule (1), where a member of the Fund makes a personal loan with any bank regulated by Bank Negara Malaysia and such member of the Fund has not attained the age of 55 years, such member of the Fund may, at any time, submit a notice of withdrawal for withdrawal under paragraph 54(6)(a) or section 55A of the Act, as the case may be, for an amount not less than three thousand ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit standing to the credit in Account II of such member of the Fund and such amount shall be subject to the amount standing to the credit in Account II of such member of the Fund on the date of the notice of withdrawal is received by the Board.

(1C) The notice of withdrawal referred to in subrule (1B) shall be submitted by the member of the Fund to the Board only once at any time between 5 April 2023 to 4 April 2024.

(1D) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal submitted by the member of the Fund under subrule (1B), the Board may authorize a withdrawal provided that the withdrawal can only be paid when such member of the Fund has attained the age of 50 years for withdrawal under paragraph 54(6)(a) of the Act or as soon as the member of the Fund has attained the age of 55 years for withdrawal under section 55A of the Act, as the case may be, subject to an amount not exceeding the amount standing to the credit in Account II of such member of the Fund on the date the notice of withdrawal is authorized.

(1E) The Board may pay into the relevant account belonging to the member of the Fund at any bank that grant the personal loan an amount of withdrawal from the amount standing to the credit in Account II of such member of the Fund equivalent to the amount authorized under subrule (1D) including any dividend credited thereon where—

(a) such member of the Fund has attained the age of 50 years or as soon as the member of the Fund has attained the age of 55 years; or

(b) such member of the Fund submits notice of withdrawal under paragraph 54(1)(c), 54(1)(e) or section 54C of the Act.

(1F) Notwithstanding the provisions under this rule, the Board shall have regard to the amount of withdrawal authorized under subrule (1E) and any amount standing to the credit in account of such member of the Fund before authorizing a withdrawal to be made by the member of the Fund pursuant to paragraph 54(1)(c), 54(1)(e) or section 54C of the Act.

(1G) Subject to subrule (1H), where the member of the Fund has submitted a notice of withdrawal under subrule (1B) to the Board, such notice of withdrawal shall not be revoked.

(1H) The notice of withdrawal submitted by the member of the Fund under subrule (1B) is revoked when the Board receives—

(a) a notice of withdrawal under paragraph 54(1)(a) of the Act; or

(b) a confirmation in writing that the amount of personal loan made by such member of the Fund has been satisfied in whole.”.

Made 4 April 2023

[KWSP/9/1/GUB(U)43; PN(PU2)498/JLD. 19]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Chairman
Employees Provident Fund Board